

## Isu Rasuah: Kajian Terhadap Elemen Integriti Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadith

[The Issue of Corruption: A Study of The Elements of Integrity According to the Perspective of the Quran and Hadith]

Azman Ab Rahman <sup>\*1</sup>, Md Yunus Abd. Aziz<sup>2</sup>, Ahmad Zaki Bin Salleh<sup>3</sup> & Anis Nabilah <sup>4</sup>

<sup>1</sup> Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>3</sup> Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>4</sup> Pembantu Penyelidik Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\* Corresponding author: [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

DOI: <https://orcid.org/10.33102/uij.vol35no02.555>

### Abstrak

Pada masa kini, isu rasuah merupakan antara isu yang sering menjadi perbincangan di media massa. Hal ini kerana terdapat peningkatan terhadap statistik penerima rasuah di Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Melihat kepada peningkatan isu rasuah dalam kalangan masyarakat pada hari ini, integriti dilihat sebagai satu aspek yang penting untuk diberi penekanan. Namun begitu, nilai integriti ini dilihat sangat rendah untuk diaplikasikan dan kurang kesedarannya terhadap masyarakat sedangkan integriti merupakan sebahagian aspek yang disebut menurut Al-Quran dan Sunnah. Kajian kualitatif ini menggunakan kajian lepas dan kajian kepustakaan untuk melihat isu rasuah serta aspek integriti menurut Al-Quran dan Sunnah. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang jelas antara nilai integriti dengan isu rasuah yang semakin berleluasa. Integriti juga menjadi salah satu aspek yang ditekankan dalam Al-Quran dan Sunnah dalam melakukan sesuatu pekerjaan baik melibatkan sektor awam mahupun swasta. Kesimpulannya, integriti penting dalam membendung isu rasuah yang berlaku pada hari ini dan ia sangat ditekankan oleh agama Islam. Justeru menjadi satu perkara yang penting bagi masyarakat hari ini untuk menyedari akan kepentingan integriti dalam kehidupan bagi mengelakkan rasuah berleluasa.

**Kata kunci:** *Integriti, Al-quran, Islam, Rasuah*

### Abstract

Corruption is currently one of the most frequently discussed topics in the news media. This is due to the fact that the number of Malaysians receiving bribes has increased over the past few years. Integrity is viewed as an essential aspect to emphasize in light of the escalating problem of corruption in modern society. However, the application of this integrity is viewed as having a very low value, and there is a lack of community awareness, despite the fact that integrity is one of the

Manuscript Received Date: 05/06/23

Manuscript Acceptance Date: 22/07/23

Manuscript Published Date: 29/07/23

©The Author(s) (2023). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [usimpress@usim.edu.my](mailto:usimpress@usim.edu.my)

C O P E | COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS



## Isu Rasuah: Kajian Terhadap Elemen Integriti Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadith

aspects mentioned in the Al-Quran and Sunnah. This qualitative study examines corruption issues and aspects of integrity based on the Quran and Sunnah through the lens of previous research and literature reviews. According to the study's findings, there is a direct correlation between the importance of integrity and the growing problem of corruption. Integrity is also emphasized in the Al-Quran and Sunnah with regard to performing a job involving both the public and private sectors. Integrity is crucial for combating the issue of corruption that exists today, and the Islamic religion places a strong emphasis on it. In order to prevent pervasive corruption, it is crucial that today's society be aware of the significance of integrity in everyday life.

**Keywords:** *Integrity, Al-Quran, Islam, Corruption*

### 1.0 Pendahuluan

Rasuah merupakan satu bentuk ancaman yang besar bagi sesebuah kerajaan. Hal ini kerana, kegagalan dalam memegang amanah adalah salah punca musnahnya nilai integriti dalam diri individu. Gejala rasuah memberi kesan yang buruk kepada kerajaan mahupun swasta. Hal ini menyebabkan kemerosotan ekonomi negara dalam pelbagai sektor, nilai mutu kerja yang rendah dan salah guna kuasa dalam menjalankan tugas yang diberikan. Peningkatan pembelanjaan kerajaan untuk menampung kos akibat daripada amalan rasuah hanya merugikan kerajaan sekaligus menghilangkan kebolehpercayaan pelabur asing. Gejala ini juga memusnahkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem kerajaan dan politik. Menurut Megat Ayob dan Abdul Halima (2016), ancaman ini berpunca daripada penjawat awam yang kurang mempunyai nilai integriti dan kurang amanah dalam menjalankan tugas hakiki yang menjurus terjadinya gejala rasuah yang pada akhirnya merosakan imej kerajaan. Isu-isu rasuah yang berlaku di Malaysia juga telah mencemarkan reputasi imej negara di mata dunia dan menyebabkan negara-negara luar yang ingin berurusan ataupun melakukan operasi dengan Malaysia kehilangan minat dan keyakinan akibat daripada reputasi rasuah yang berlaku.

### 2.0 Pernyataan Masalah

Gejala rasuah pada hari ini masih pada kadar yang tinggi meskipun terdapat kenaikan dari segi indeks persepsi rasuah Malaysia pada tahun 2022. Indeks yang dikeluarkan oleh Transparency International (TI) menyatakan Malaysia berada pada kedudukan ke 61 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2022 daripada keseluruhan 180 buah negara berbanding kedudukan ke 62 pada tahun 2021. Namun begitu, indeks persepsi ini tidak boleh dijadikan satu kayu ukur sebenar tahap statistik kes rasuah yang berlaku di Malaysia. Hal ini kerana terdapat juga penurunan yang berlaku kepada negara jiran seperti Indonesia dan juga Myanmar.

Menurut laman sesawang rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), golongan penjawat awam merupakan antara golongan yang paling banyak terlibat dengan gejala rasuah ini. Ini menunjukkan bahawa nilai integriti dalam kalangan mereka yang bekerja terutamanya dalam sektor awam adalah rendah. Kesedaran mengenai integriti semasa bertugas dilihat masih rendah dan sukar diterapkan sedangkan integriti merupakan aspek yang sangat ditekankan dalam apa jua sektor pekerjaan. Sebagai masyarakat yang majoritinya beragama Islam, integriti juga merupakan sebahagian daripada aspek yang digariskan oleh Al-Quran dan Sunnah. Oleh itu, nilai integriti menurut Al-Quran dan Sunnah wajar diketengahkan agar kesedaran mengenainya mampu membendung gejala rasuah dalam kalangan masyarakat di Malaysia sama ada dalam sektor awam mahupun swasta.

### 3.0 Kajian Literatur

Kajian mengenai rasuah di Malaysia bukanlah suatu perkara yang baru. Ianya sering dikaji dari segenap sudut berkaitan dengan pelbagai aspek yang berkaitan dengan rasuah. Hal ini kerana amalan rasuah ini semakin membarah dalam masyarakat tidak mengira bangsa, agama, warna kulit atau sektor. Kajian-kajian ini penting dalam melihat permasalahan yang timbul disebabkan rasuah dan juga faktor-faktor yang membawa kepada gejala rasuah ini berlaku.

Izawati, Arif dan Hasnah (2022) telah membuat satu kajian berkaitan dengan rasuah dan integriti dalam pentadbiran awam di Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati persepsi umum terhadap masalah rasuah adalah serius, manakala sektor yang mempunyai kecenderungan tinggi melakukan rasuah adalah sektor penguatkuasaan undang-undang dan perolehan. Kewujudan peluang dan kesempatan kepada penjawat awam, khususnya iklim etika yang rendah dalam organisasi seperti kelemahan dalam pengurusan, serta kelemahan penguatkuasaan undang-undang membuka risiko rasuah.

Perkara di atas turut dibuktikan dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Azrae et al. (2018) yang mendapati bahawa terdapat penglibatan rasuah di kalangan agensi penguatkuasaan kerajaan. Agensi penguatkuasa kerajaan yang sering terpalit dengan gejala rasuah ialah Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Menurut Azrae et al. juga, masalah kewangan bukanlah faktor utama yang mendorong seseorang itu terjebak dengan gejala rasuah. Ini kerana ada juga golongan yang berjawatan dan berpendapatan tinggi turut menerima rasuah.

Menurut Enida (2019), terdapat faktor yang menyebabkan kecenderungan berlakunya rasuah. Kajiannya yang bertajuk Faktor-Faktor Dalam Yang Mempengaruhi Niat Individu Untuk Mengamalkan Rasuah di Kalangan Penjawat Awam Pihak Berkuasa Tempatan mendapati bahawa faktor dalaman yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah iaitu sikap mengabaikan nilai dan tuntutan agama, sikap pentingkan diri, sikap inginkan gaya hidup mewah melebihi kemampuan dan sikap tamak. Kajian ini dijalankan keatas 356 orang penjawat awam PBT Johor dengan menggunakan kaedah soal selidik.

Rasuah yang diamalkan dalam masyarakat semestinya membawa kepada implikasi yang buruk. Justeru kajian yang dijalankan oleh Azman et al. (2023) mendapati bahawa terdapat implikasi yang terhasil dari pengamalan budaya rasuah dalam masyarakat. Antara implikasi yang berlaku disebabkan oleh rasuah ialah kepercayaan dan keyakinan masyarakat berada di tahap yang rendah, jurang sosioekonomi meningkat dan kadar kemiskinan masyarakat di Malaysia akan menjadi tinggi. Jika tidak dibendung dengan segera, tidak mustahil implikasi lain yang lebih teruk akan timbul disebabkan penyelewengan dan pecah amanah yang berlaku.

Etika Kerja Islam (EKI) dilihat sebagai alternatif yang baik bagi membendung isu rasuah. Kajian yang dilakukan oleh Enida, Low dan Ahmad (2019) mendapati bahawa penghayatan, pemahaman dan pelaksanaan EKI secara menyeluruh dan konsisten mampu membentuk nilai kerohanian dalam diri penjawat awam seperti bertanggungjawab, berdedikasi dan amanah. Penghayatan terhadap nilai EKI akan mendorong seseorang untuk mengerjakan kebaikan dan meninggalkan kejahatan seterusnya dapat melemahkan niat seseorang untuk melakukan rasuah.

Terdapat juga pendekatan melalui maqasid syariah dalam menangani isu rasuah. Pendekatan menangani rasuah berdasarkan maqasid syariah dalam konteks *hifz Al-nafs* boleh dilaksanakan dengan menerapkan konsep *tahirun nafs*, memastikan hasil pekerjaan daripada sumber halal dan mengamalkan etika kerja yang baik. Manakala dalam konteks *hifz Al-mal* ia boleh dilaksanakan dengan menerapkan sifat adil dalam pengurusan, mengemaskini *urus tadbir* dengan amanah dan merangka hukuman *ta'azir* bagi pesalah rasuah (Azman et al. 2022). Ini menunjukkan bahawa Islam juga amat cakna mengenai isu rasuah yang berlaku dalam masyarakat.

### **Metodologi Penyelidikan**

Reka bentuk kajian adalah satu pelan tindakan yang memperlihatkan bagaimana sesuatu kajian dijalankan. Reka bentuk kajian menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis data terhadap penyelidikan yang dijalankan. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berasaskan pendekatan kualitatif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian dan dokumentasi untuk mendapatkan data primer dan sekunder berkaitan objektif kajian.

### **Kaedah Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian digunakan bagi mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Kaedah ini merupakan satu kaedah alternatif untuk mendapatkan maklumat dan pengumpulan data. Penyelidik dapat mengamati dan menganalisis data yang dikumpul daripada pemerhatian yang dilakukan. Kaedah pemerhatian ini dibuat bagi memahami sesuatu keadaan dan situasi, mendapatkan data secara langsung melalui tingkah laku sama ada dari jarak dekat atau jauh.

### **Kaedah Dokumentasi**

Kaedah dokumentasi melibatkan kajian analisis terhadap bahan-bahan bercetak seperti jurnal, buku, artikel, prosiding, akhbar dan sebagainya. Penyelidik menggunakan kaedah dokumentasi ini untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan mendalam terhadap kajian yang ingin dijalankan.

## **5.0 Hasil Kajian**

## **5.1 Pengertian Integriti**

Integriti merujuk kepada prinsip moral dan etika yang menggariskan keseluruhan kejujuran, kejujuran diri, dan moral seseorang. Nilai ini mempengaruhi kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan pada individu dan organisasi serta berkait rapat dengan nilai etika. Nilai terpuji inilah yang membina sahsiah, jati diri dan peribadi seseorang (Mohd Yusof. 2009). Ia melibatkan kepatuhan terhadap prinsip dan norma-norma moral yang memandu tingkah laku seseorang dalam berinteraksi dengan orang lain dan dalam menghadapi pelbagai situasi. Integriti juga melibatkan pemeliharaan martabat diri, di mana individu memegang teguh prinsip-prinsip moral dalam semua aspek kehidupan mereka, sama ada di tempat kerja, dalam

hubungan peribadi, atau dalam kehidupan masyarakat secara keseluruhan. Nilai ini juga yang meresap dan menjiwai masyarakat bertamadun yang menjadi penggerak utama kepada pembinaan peradaban (Mohd Yusof. 2009).

Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Nazrin Syah Ibnu Sultan Azlan Muhibbuddin Syah, Raja Muda Negeri Perak Darul Ridzuan, semasa berangkat ke Majlis Makan Malam sempena Sambutan Hari Integriti Nasional dan Konvensyen Integriti Nasional 2007 bertitah, "Integriti bukanlah teori baru, konsep baru, ciptaan baru atau penemuan baru. Ia adalah prinsip asas yang tidak boleh diketepikan; ia adalah satu kemestian; ia adalah komponen yang perlu dimiliki - ia adalah karakter yang wajib diamalkan di tahap yang meyakinkan; ia adalah pra syarat dalam menentukan tadbir urus yang bersih, cekap dan amanah; ia adalah gagasan untuk mendukung budaya pentadbiran yang telus, adil lagi saksama; ia adalah tunggak kekuatan membina tamadun yang agung. Kejatuhan empayar, keruntuhan takhta, kehancuran negara dan kejatuhan pemimpin sering kali disebabkan oleh amalan dan perbuatan yang mengetepikan integriti. Krisis dan kemelut yang melanda beberapa kerajaan serta pelbagai institusi kewangan dan organisasi perniagaan berpunca dari kegagalan memberi perhatian dan gagal mengamalkan budaya yang berlandaskan integriti

Selain itu, melalui Pelan Integriti Nasional (PIN), integriti didefinisikan sebagai satu ciri positif dan satu kualiti yang wujud secara keseluruhan pada individu dan organisasi. Nilai-nilai integriti ini wujud secara bersepadu dan benar-benar menyeluruh atau dalam erti kata lain mengandungi unsur "*wholeness*". Ciri integriti ini boleh dilihat sama ada pada diri individu mahupun organisasi. PIN memberikan beberapa tafsiran mengenai tafsiran tentang beberapa aspek penggunaan istilah integriti. Antaranya termasuklah:

### **Integriti Individu**

Keselarasan antara apa yang dikatakan oleh individu dengan apa yang dikotakannya: keselarasan antara tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang serta keselarasan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Apa yang dilakukan individu itu pula cepat, tepat dan bermutu. Apabila dia bertindak atau bertingkah laku demikian secara konsisten dalam pelbagai segi, dia dikatakan mempunyai integriti. Apabila bertindak sebaliknya, dia dikatakan tidak berintegriti atau lemah integritinya.

### **Integriti Organisasi**

Selain individu, organisasi juga mesti mempunyai integriti. Integriti organisasi tercermin dalam perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik. Kod etika organisasi ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi berkenaan sehingga menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya organisasi.

### **Integriti Penjawat Awam**

Bagi individu yang memegang amanah seperti mereka yang menjawat jawatan awam, integriti bermaksud melaksanakan amanah dan kuasa yang diberikan dengan bertanggungjawab menurut kepentingan umum. Penjawat jawatan itu tidak boleh menyalahgunakan kuasanya untuk kepentingan diri, keluarga, saudara-mara atau kaum kerabat sendiri. Apabila berlaku konflik kepentingan, ia mesti diselesaikan dengan memberi keutamaan kepada kepentingan awam. Dengan demikian, penjawat itu perlu telus dan tulus, harus memikul tanggungjawab terhadap ketuanya, orang di bawahnya dan pihak lain.

## **6.1 Perbahasan Integriti Menurut Al-Quran Dan Hadith**

Integriti menurut kamus dewan edisi ketiga membawa maksud kepada kejujuran. Ia juga membawa maksud kepada keadaan yang sempurna. Integriti ini berkait rapat dengan nilai mahmudah seperti jujur, amanah dan ikhlas. Integriti dalam Islam juga menggambarkan kepada nilai-nilai yang positif yang terserlah melalui nilai-nilai mahmudah. Amalan-amalan ini melingkupi kepada individu, keluarga dan masyarakat. Integriti dalam pentadbiran diambil kira melalui tindakan dan rupa bentuk kerja yang dilakukan oleh kakitangan pentadbiran daripada keseluruhan peringkat bermula dari yang paling atas sehinggalah ke peringkat bawahan. Pihak atasan juga perlu memberi teladan yang baik agar menjadi ikutan pekerja bawahan dalam menjalankan tugas dengan sebaik mungkin.

Firman Allah:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyakkbanyak (dalam masa susah dan senang). (Surah Al-Ahzab:21)

Integriti ini juga boleh didefinisikan sebagai ciri kualiti dan positif dalam diri individu dan organisasi. Jika dilihat daripada sudut Islam, integriti ini bersesuaian dengan sifat-sifat benar, amanah, jujur, bertanggungjawab, prinsip yang teguh, peribadi yang mulia, bertaqwa, dan sebagainya yang membawa kepada pengamalan yang menyeluruh berdasarkan nilai-nilai akhlak Rasulullah SAW. Nilai yang positif dan negatif ini mempengaruhi kepercayaan dan keyakinan terhadap individu dan sesebuah organisasi. Padangan ini amat dititiberatkan untuk membina kepercayaan dan keyakinan pihak luar kepada negara.

### Amanah Sebagai Nilai Teras Integriti

Nilai teras ini penting secara tidak langsung untuk memberikan pengertian yang lebih tepat agar kefahaman integriti yang konseptual ini mampu memberi maksud tentang satu nilai “standard” yang lebih tepat dan “konsisten”. Faktor nilai ini merupakan nilai terpenting dalam membina pengurusan dan pentadbiran yang kukuh. Fenomena amalan tidak berintegriti dan keruntuhan akhlak dalam kepimpinan global (Adnan et al. 2011) dalam pengurusan pentadbiran sering menjadi bualan sejak mukhtahir ini. Hal ini berlaku kerana kurangnya amalan kepada nilai agamanya dan lemahnya keprihatinan dalam menerapkan nilai-nilai asas yang baik.

Nilai amanah ini merupakan nilai yang digunapakai dan mempunyai keserasian dalam setiap agama dan bersifat universal. Sifat amanah ini bukan sahaja diterapkan di dalam Islam malah penganut-penganut agama lain juga diterapkan sifat yang baik. Justru semua agama berpaksikan nilai-nilai dan etika agama mantap khususnya nilai amanah untuk memastikan kehidupan masyarakat penganut berada dalam keadaan yang harmoni dan hidup dengan teratur dan berpedoman.

Kepentingan amanah ini ditegaskan oleh Allah SWT yang firmanNya:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

“Sesungguhnya kami telah menawarkan amanah (tanggungjawab) kepada langit bumi an gunung tetapi mereka enggan untuk memikulnya dan takut terhadapnya” (Surah Al-Ahzab 33:72)

Berdasarkan firman diatas Allah SWT menegaskan bahawa sifat amanah ini adalah tanggungjawab yang perlu digalas di bahu setiap umat manusia. Nilai amanah ini merupakan “taklif” dari perspektif Al-Quran kepada umat manusia setelah semua makhluk selain daripada manusia enggan memikul tanggungjawab menggalas amanah. Ulama hadis mentakrifkan erti taklif ini merupakan tanggungjawab dan amanah yang dipikulkan kepada bahu manusia seperti halnya imam sehingga Rasulullah SAW sendiri bersabda “tidak ada iman bagi sesiapa yang tidak ada amanah” (Abdul Rahman. 1995). Demikianlah nilai amanah turut ditegaskan oleh Allah SWT yang berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۗ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

## Isu Rasuah: Kajian Terhadap Elemen Integriti Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadith

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan segala amanah kepada ahlinya dan apabila kamu menghukum diantara manusia hendaklah menghukum dengan adil” (Surah An-Nisa 4:58)

Takwil nilai amanah dalam firman Allah SWT diatas menggesa agar manusia yang memikul amanah untuk segera menyelesaikan amanah yang dipikul sama ada amanah itu berbentuk pembahagian harta, kuasa, keputusan, menjatuhkan hukuman sehinggalah kepada perkara yang bersangkutan dengan agama ataupun hal ehwal keduniaan sekalipun. Nilai amanah ini perlu dipelihara agar tidak berlaku kezaliman dan penindasan kepada manusia dan membelakangi hak yang sepatutnya dilindungi.

### Sifat Jujur Melalui Teladan Rasulullah SAW

Islam menerapkan nilai-nilai murni dan ia termasuklah nilai kejujuran. Nilai jujur ini boleh diterapkan dari segi percakapan, perbuatan, sikap dan teladan daripada Rasulullah SAW itu sendiri sebagai teladan. Kejujuran boleh dibangunkan melalui teladan dan teladan yang paling baik dicontohi adalah Rasulullah SAW. Kejujuran yang ditunjukkan Rasulullah boleh dilihat iaitu dilantik oleh Allah SAW untuk menyampaikan wahyu. Berdasarkan firman Allah:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ (٣) إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ (٤)

“Dan tiadalah yang diucapkannya itu (Al-Quran) menurut kemahuan hawa nafsunya. ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)” (Surah Najm: 3-4)

Sifat jujur ini mampu membendung dan mengawal gejala rasuah yang berleluasa dan seterusnya membangunkan negara. Hal yang demikian pengamalan sifat jujur ini mampu memberi kesan yang besar dalam pengurusan sistem pentadbiran dan menjamin ketulusan dalam menjalankan tugas dengan berintegriti. Jujur ini boleh diterapkan melalui pergaulan dengan kelompok yang baik dan pengamalan yang sempurna maka ia secara tidak langsung akan menjadi amalan yang berterusan.

Berdasarkan firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

“Hai orang-orang yang beriman bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah kamu bersama orang-orang yang benar (jujur).” (Surah At-Taubah: 119)

Sifat jujur ini merupakan sifat yang terpuji dan seharusnya untuk semua umat manusia mengamalkannya. Pengamalan yang sempurna mengikut syariat yang ditetapkan menjanjikan syurga buat mereka. Berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

عَلَيْكُمْ بِالصِّدْقِ ، فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ

“Hendaklah kamu selalu jujur kerana kejujuran itu akan membawa kepada kebaikan dan kebaikan itu akan membawa ke dalam syurga” (Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

### Ketaqwaan Dalam Sifat Integriti

Integriti ini boleh dikaitkan dengan nilai taqwa. Taqwa boleh didefinisikan sebagai sifat yang sentiasa berjaga-jaga dalam melakukan sesuatu perbuatan dan meninggalkan perkara yang dilarang oleh agama Islam (Ahmad Kilan & Yahaya Jusuh, 2013). Tegahan yang dilarang itu merupakan satu tegahan terhadap kemaksiatan dan perkara-perkara yang mazmumah. Sifat taqwa ini merupakan suatu lambing ketaatan kepada Allah SAW dan keimanan yang sejati dalam menjaga hubungan baik antara hamba dan pencipta. Bagi muslim yang mempunyai sifat taqwa ini merupakan ciri-ciri muslim yang sejati dan sentiasa tunduk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Allah SAW.

Berdasarkan firman Allah SAW:

ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمِ شَعْرَةَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

“Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (dia lah orang yang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat- sifat takwa hati orang mukmin.”

(Surah al-Hajj, 22:32)

Sifat taqwa ini berhubungkait dengan sifat integriti kerana ketaatan dalam melakukan kebaikan dan menjauhi larangan agama menguatkan lagi nilai integriti dalam diri individu. Hal ini kerana sifat taqwa ini mampu menegah seseorang daripada melakukan perkara yang melanggar peraturan kerana ketaatan dan sentiasa berjaga-jaga dalam mengelak diri daripada melakukan kemaksiatan. Pengertian dalam Al-Quran juga menerangkan sifat taqwa ini adalah menunaikan segala kewajipan agaman dan yang diperintahkan Allah terhadap seorang muslim (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2006).

Sehubung dengan itu, nilai integriti menurut Al-Quran dan Sunnah ini masih mempunyai skop yang meluas untuk dibincangkan. Terdapat banyak dalil-dalil dan hadith yang berkait dalam menerangkan nilai-nilai yang perlu ada dalam aspek integriti menurut pandangan Islam.

## 6.2 Kepentingan Integriti Dalam Membasmi Rasuah

Dalam konteks integriti ianya bukan hanya terfokus kepada isu-isu rasuah sahaja, malah ia merupakan satu konsep yang lebih besar seperti melibatkan juga amalan budaya kerja yang menuntut amalan berintegriti seperti integriti dalam ketepatan waktu, integriti dalam menyampaikan maklumat, integriti dalam memberi perkhidmatan terbaik, integriti dalam berhubung dengan ketua jabatan, rakan sekerja, masyarakat dan juga kakitangan sokongan (Ariffin & Ahmad 2016). Namun begitu, gejala rasuah merupakan satu amalan yang berpunca daripada kurangnya nilai integriti pada diri individu.

Tahap integriti memainkan peranan yang penting terhadap risiko berlakunya gejala rasuah di tempat kerja. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dijalankan Izawati et al. (2022) yang menyatakan tahap integriti yang tinggi dalam kalangan kakitangan awam mampu mengurangkan risiko rasuah dalam pentadbiran awam. Pelbagai usaha dilakukan untuk memastikan tahap integriti dalam setiap sektor dan institusi dalam keadaan baik dan cemerlang. Tahap integriti yang tinggi sememangnya mampu membasmi amalan rasuah di tempat kerja.

Usaha-usaha untuk meningkatkan tahap integriti juga giat dilakukan bagi menangani isu-isu penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Seperti tindakan yang diambil untuk meningkatkan aspek integriti dalam kalangan pekerja di Jabatan Pengangkutan Awam (JPJ), tindakan seperti pembaharuan pelan strategik JPJ, penambahbaikan amalan pengurusan sumber manusia, pemantapan sistem ICT dan prosedur kerja, sistem pengurusan aduan bersepadu serta langkah-langkah pemantauan dan pengujian integriti berterusan (Hairi et al. 2022). Usaha ini dilakukan kerana terdapat kemerosotan tahap integriti dalam kalangan pekerja JPJ yang didapatkan dari pengaduan awam terhadap mereka.

Kajian dilakukan oleh Zainal et al. (2021) turut memfokuskan integriti sebagai aspek penting dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Dalam kajian tersebut, mereka menyatakan bahawa integriti memainkan peranan membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Integriti juga memberi kesan kepada keselamatan sejagat kerana tanpa integriti, salah laku dan jenayah lebih mudah untuk dilakukan yang membawa kepada kemudaratannya dalam masyarakat (Seiful et al. 2021).

Justeru itu, amalan rasuah secara dasarnya sangat berkait dengan integriti. Penyalahgunaan kuasa yang membawa kepada amalan rasuah adalah disebabkan nilai integriti yang rendah terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan kepada individu. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa tahap integriti individu akan menentukan peningkatan atau penurunan isu rasuah di negara ini.

## 7.0 Rumusan

Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa kes-kes melibatkan rasuah sentiasa berlaku baik dalam sektor awam

## Isu Rasuah: Kajian Terhadap Elemen Integriti Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadith

mahupun swasta. Justeru, penekanan terhadap aspek integriti menjadi satu usaha yang penting dalam memupuk kesedaran terhadap buruknya amalan rasuah dalam kehidupan. Ayat Al-Quran dan Sunnah jelas menggariskan aspek integriti yang merupakan sebahagian nilai yang perlu ada dalam diri setiap individu terutamanya mereka yang beragama Islam. Secara tidak langsung menunjukkan Islam melarang sekeras-kerasnya amalan rasuah dalam masyarakat. Kesimpulannya, nilai integriti merupakan nilai yang penting dalam membendung gejala rasuah. Malah ianya turut ditekankan dalam agama Islam kerana amalan rasuah ini akan membawa kemudaratan dalam kehidupan manusia.

### Penghargaan

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Projek Penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) USIM, dengan tajuk Pendekatan Bersepadu Pencegahan Rasuah Berdasarkan Kerangka Syariah Dan Perundangan Di Malaysia Ke Arah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Kod Penyelidikan USIM/FRGS/FSU/KPT/50922. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

### Rujukan

- Ab Rahman, A., Lokman, N. W., Zain, L. M., Omar, S. M. N. S., & Gunardi, S. (2022). An Approach In Dealing With Corruption According To Maqasid Syariah: Pendekatan Menangani Rasuah Menurut Maqasid Syariah. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 11-23
- Adnan Mat Junoh, Mohd Rushdan Mohd Jailani & Fauziah Hassan, 2011, "Perkhidmatan Awam Berintegriti Teras Kejayaan Program Transformasi Kerajaan" (Kertas kerja, seminar transformasi sistem pengurusan islam, PWTC, halaman 2.
- Ahmad Kilan @ Ahmad Kilani Mohamed, & Yahaya Jusuh. (2013). *Pembangunan Modal Insan Menurut Perspektif al-Quran*. Skudai: UTM Press.
- Arifin, M. A. M., & Ahmad, A. H. (2016). Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Geografia*, 12(9). Megat Ayop Megat Ariffin, Abd Haim Ahmad 2016, Kepentingan Budaya Integriti dan Etika Kerja Dalam Organisasi di Malaysia: Satu Tinjauan Umum Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space 12 issue 9 (138-149)
- Azrae, A. N., Latif, H. H. M., & Mohamed, K. (2018). Penglibatan Rasuah Di Kalangan Agensi Penguatkuasaan Kerajaan: Satu Analisis Laporan Berita Tempatan. *International Journal*, 3(13), 218-235.
- Bakar, S. A., Majid, M. A., Azizan, N. I., Azman, A. S., & Malik, M. C. 2017. Elemen Takwa, Ibadah Dan Akhlak Dalam Sifat Amanah Menurut Al-Quran Dan Al- Sunnah. *Proceeding of International Seminar On Tarbiyah: Institut Agama Islam Negeri Bukittinggi, Indonesia*.
- Daud, E. (2019). Faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi niat individu untuk mengamalkan rasuah di kalangan penjawat awam pihak berkuasa tempatan. *Jurnal Kemanusiaan*.
- Daud, E., Heng, L. H., & Hassan, A. M. (2019). Etika Kerja Islam Sebagai Pembolehubah Penyederhanaan Terhadap Niat Untuk Melakukan Rasuah di Kalangan Penjawat Awam Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor [Islamic Work Ethic as a Moderating Variable Against the Intention to Commit Bribery]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 155-177.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2006). *Membina Peribadi Muslim*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Faisal Ahmad Shah, Hanafi Hamdani. 2017. *Konsep Integriti Menurut Hadis Nabi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Isnin, M. H. M., & Abdullah, A. H. (2021). Pengajian Tafsir Al-Quran Di Masjid Negeri Johor Dalam Membentuk Peribadi Umat Islam: Studies Of The Qur'anic Interpretation At Mosques In Johor Which Individualized Muslims. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 394-407.
- Kamarulzaman, A. N., Ab Rahman, A., Salleh, A. Z., & Aziz, M. Y. A. (2023). Gejala Rasuah Dan Implikasi Terhadap Masyarakat Malaysia Menurut Perspektif Syarak: The Symptoms Of Corruption And Implications For The Malaysian Community According To The Shariah Perspective. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 87-103.
- Khalid, S. A. A., Saad, S., Awang, A., & Tambi, N. (2021). Analisis Perbandingan Amalan Pembentukan Integriti Polis Antara Negara Asia Pasifik: Satu Kajian Literatur. *e- BANGI Journal*, 18(5).
- Mohd Yusof Haji Othman. 2009. *Menghayati Makna Integriti Dari Persepektif Islam*. Intitut Islam Hadhari: Univesiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Abdul Rahman bin Abdul Rahim Al- MubarakFurry Abdul Illa'. *Juzuk 6*, (Beirut: Dat al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995) halaman 337.
- Omar, N. H., Awang, A., & Manaf, A. A. (2012). Integriti dari perspektif pengaduan awam: kajian kes di Jabatan



Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia. *e-BANGI*, 7(1), 141-155.

Wahyudi, A. (2016). Iman Dan Taqwa Bagi Guru Bimbingan Dan Konseling. *Jurnal Fokus Konseling*, 2(2).

Wook, I., Yusof, A. F. M., & Haron, H. H. (2022). Rasuah Dan Integriti Dalam Pentadbiran Awam Di Malaysia: Sorotan Literatur. *Voice of Academia*.

Zan, Z. M., Ayub, Z. A., Wahab, H. A., Yusoff, Z. M., & Shariffuddin, M. D. K. (2021, December). Integriti Pegawai Penguatkuasa Ke Arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 16: Keamanan, Keadilan Dan Institusi Yang Kukuh. In *CONFERENCE PROCEEDING* (p. 184).

Zulkifli bin Mohamad al- Bakri. (2007). *Integriti Dalam Islam*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.